

Persekutuan Diabetis Antarabangsa beri sokongan untuk program pemeriksaan dan pencegahan Diabetis di Vietnam

BRUSSELS dan HANOI, 15 Mei /PRNewswire-AsiaNet/--

Program geran penyelidikan translational BRIDGES Persekutuan Diabetis Antarabangsa (IDF) akan membiayai projek kajian perintis di Vietnam bagi meningkatkan peluang ke atas penduduk yang berhadapan dengan risiko tinggi untuk menghidap diabetis jenis 2 dan mempromosikan satu program yang dibangunkan khusus untuk memberi motivasi kepada penduduk bagi membangunkan satu gaya hidup sihat.

The National Hospital of Endocrinology (NHOE) akan melancarkan kajian itu di Vinh City, Vietnam. Dengan menggunakan soalan-soalan [1] mengenai diabetis, para penyiasat berharap dapat mengenal pasti mereka yang berusia antara 30 dan 64 yang berhadapan dengan risiko tinggi untuk menghidap diabetis dan bakal menghidap diabetis. Pemeriksaan itu akan dilengkapi dengan program-program kesedaran komuniti dan kehidupan yang sihat.

menurut Atlas diabetis Persekutuan Diabetis Antarabangsa, kira-kira 1.3 juta penduduk di Vietnam menghidap diabetis manakala 1.1 juta lagi berhadapan dengan risiko untuk mendapat diabetis jenis 2. Dalam tempoh 20 tahun, bilangan itu akan meningkat mendadak. Pada masa itu adalah dijangkakan bahawa 2.5 juta rakyat Vietnam akan menghidap diabetis manakala 1.9 juta lagi menghadapi risiko mendapat diabetis. [2]

Mereka yang didapati menghadapi risiko untuk mendapat diabetis akan diminta supaya mengubah suai gaya hidup mereka - makan, senaman, dan pemeriksaan secara berkala - sepanjang tiga bulan sesi pendidikan. Kajian itu merancang menilai semua faktor dan membuktikan bahawa ia adalah cara berkesan untuk mencegah diabetis di kawasan bandar di Vietnam.

"Gaya hidup sehat sudah terbukti sebagai langkah paling mujarab bagi mencegah diabetis jenis 2. Mereka yang menghadapi risiko untuk menghidap penyakit itu, yang merupakan epidemik yang semakin menular di peringkat global, terutama di negara-negara membangun seperti Vietnam, perlu mengamalkan gaya hidup sihat," kata Prof. Ta Van Binh, Pengarah National Hospital of Endocrinology, National Institute of Diabetes and Metabolic Control.

Binh menambah, "Projek ini merupakan peluang terbaik untuk institusi kami meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan diabetis dan menyakinkan komuniti bahawa diabetis jenis 2 boleh dicegah jika mereka mengamalkan gaya hidup sehat."

Persekutuan Diabetis Antarabangsa, menerusi BRIDGES, komited untuk menggunakan pembiayaan penyelidikan untuk tujuan yang berguna dalam menyediakan perkhidmatan dan penjagaan berkualiti yang disediakan oleh para penyedia penjagaan kesihatan. Program pencegahan dan pemeriksaan diabetis di Vietnam, bersama-sama dengan 10 projek penyelidikan transnational lain, dipilih kerana inovasi, menunjukkan potensi bagi penjimatan kos penjagaan kesihatan, pelan berkekal dan peluang untuk memperluas keputusan di tempat lain.

"Dengan lebih daripada 250 juta penduduk di seluruh dunia yang menghidap diabetis, penyakit itu kini merupakan epidemik global. Kajian The National Hospital of Endocrinology untuk memeriksa, mendiagnos dan mendidik orang ramai merupakan satu langkah penting dalam usaha memerangi diabetis di Vietnam," demikian menurut Dr. Linda Siminerio, Pengrusi jawatankuasa Kajian IDF BRIDGES. "Epidemik ini boleh dicegah jika kita bertindak dari sekarang."

Persekutuan diabetis antarabangsa secara persendirian mengurus program BRIDGES dengan satu geran pendidikan daripada Eli Lilly and Company dan komited untuk mempromosikan rawatan diabetis, pencegahan dan pemulihannya di seluruh dunia.

Nota kepada Editor:

Persekutuan Diabetis Antarabangsa (IDF) ialah sebuah badan penasihat global bagi lebih daripada 250 juta orang yang menghidap diabetis di seluruh dunia. Ia mewakili lebih daripada 200 persatuan-persatuan diabetis di lebih daripada 160 buah negara. Misi utamanya ialah untuk mempromosikan penjagaan, pencegahan dan pemulihan diabetis di seluruh dunia. Persekutuan Diabetis Antarabangsa ialah sebuah badan perhubungan rasmi Organisasi bukan kerajaan di jabatan Maklumat awam Pertubuhan Bangsa Bersatu. Persekutuan Diabetis antarabangsa mengetuai Kempen Hari Diabetis sedunia. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi <http://www.idf.org>.

BRIDGES ialah program geran transnational global Persekutuan Diabetis Antarabangsa. Ia mendapatkan cadangan yang menyokong keberkesanan kos dan pencegahan berkekal yang boleh diamalkan dalam kehidupan harian, dalam pencegahan dan pengawalan diabetis. Projek-projek perlulah berasaskan kepada pencegahan yang sudah terbukti berkesan dalam mencegah dan merawat diabetis, bagi meningkatkan penjagaan terhadap diabetis jenis 1 dan 2 dan mencegah komplikasinya. Pencegahan yang dicadangkan perlu berpotensi disebar luaskan dalam amalan klinikal, individu dan masyarakat. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.idfbridges.org>.

The National Hospital of Endocrinology (NHOE) diasaskan pada 1969 di Hanoi City. sebagai hospital utama endokrinologi in Vietnam, misinya termasuk penjagaan khas dalam endokrinologi di kalangan pesakit yang menghidap penyakit endokrin; bantuan teknikal dalam endokrinologi teknikal bagi institusi kesihatan di seluruh Vietnam; pencegahan penyakit endokrinologi nasional' dan penyelidikan dan latihan untuk membantu profesional dalam endokrinologi.

[1] Berasaskan kepada pemeriksaan dan cadangan diagnosis dalam

garis panduan diabetiks Jenis 2 Persekutuan diabetantarabangsa.  
1005/

[2] Diabetes Atlas, Persekutuan diabetis antarabangsa 2006.

Hubungan Media :

Persekutuan Diabetis Antarabangsa, Kerrita McLaughlyn,  
Perhubungan Media  
Pengurus, Emel: media@idf.org Tel: +32-2-5431639;  
Bergerak: +32-487-530-625.

National Hospital of Endocrinology, Dr. Ta Van Binh, Director, Tel:  
+84-4-8533527 ext 207